

1. Abang membawa _____ daripada pihak sekolah untuk dibawa ke klinik bagi meredakan rawatan.

- ☐ A surat kuasa
- ☐ B surat akuan
- ☐ C surat khabar
- ☐ D surat perjanjian

2. Azhar menghasilkan barangan kraf tangan yang cantik itu dengan menggunakan _____ terpakai.

- ☐ A tin kosong
- ☐ B daun pokok
- ☐ C getah keping
- ☐ D minyak masak

3. Budin _____ dari rumah itu setelah bertengkar dengan abangnya kerana dia enggan meninggalkan perangai buruknya.

- ☐ A ganti tikar
- ☐ B angkat kaki
- ☐ C mandi peluh
- ☐ D angkat muka

4. Pembakaran sampah secara terbuka menyebabkan pencemaran _____.

- ☐ A rumah api
- ☐ B laut dalam
- ☐ C lut cahaya
- ☐ D alam sekitar

5. _____ perlu dihantar terlebih dahulu sebelum projek itu dilaksanakan.

- ☐ A Inti sari
- ☐ B Daya cipta
- ☐ C Kertas kerja
- ☐ D Reka bentuk

6. Semua murid dikehendaki berkumpul di _____ sekarang kerana ada perkara penting yang hendak disampaikan oleh guru besar.

- ☐ A bilik guru
- ☐ B pusat sumber
- ☐ C dewan sekolah
- ☐ D makmal komputer

7. Segala harapannya untuk menjalankan perniagaan kain borong _____ setelah rakan kongsinya melarikan diri.

- ☐ A patah riuk
- ☐ B koyak rabak
- ☐ C hancur lebur
- ☐ D rosak binasa

8. Pengaruh sains dan teknologi menyebabkan orang ramai terlalu leka dengan _____ sehingga tiada masa untuk berbual-bual dengan anggota keluarga.



- ☐ A kaca mata
- ☐ B surat khabar
- ☐ C media sosial
- ☐ D bekas tangan

9. _____ syarikat itu sentiasa berpenampilan menarik dan cekap melaksanakan tugas yang diberikan.

- ☐ A Sukarela
- ☐ B Setiausaha
- ☐ C Suruhanjaya
- ☐ D Pesuruhjaya

10. Mereka akan melakukan _____ terhadap mayat itu untuk mengetahui punca kematiannya.

- ☐ A uji kaji
- ☐ B ulang kaji
- ☐ C soal siasat
- ☐ D bedah siasat

11. Peningkatan jumlah kenderaan di jalan raya menyumbang kepada kesesakan _____ terutamanya di sekitar Kuala Lumpur.

- ☐ A lalu lintas
- ☐ B lebuh raya
- ☐ C lampu trafik
- ☐ D lintas langsung

12. Semangat _____ amat penting dalam persahabatan agar hubungan itu bertambah erat.

- ☐ A pandu uji
- ☐ B daya cipta
- ☐ C tahan lama
- ☐ D setia kawan

13. Janganlah kamu _____ atau cuba menjadi orang tengah untuk menyelesaikan perbalahan antara kedua-dua orang murid itu.

- ☐ A campur tangan
- ☐ B cahaya mata
- ☐ C kata dua
- ☐ D isi hati

14. Usahawan yang mempunyai _____ yang tinggi sahaja yang mampu bertahan dalam lapangan perniagaan yang penuh cabaran.

- ☐ A daya cipta
- ☐ B daya saing
- ☐ C daya upaya
- ☐ D daya tenaga

15. "Berkat _____ antara ahli pasukan, akhirnya kami berjaya menjuarai kejohanan irigasi kapten pasukan hoki itu.

☐ A sukarela
☐ B kerjasama
☐ C kakitangan
☐ D tanggungjawab

16. Kakak menyemburkan _____ pada badannya sebelum pergi ke pejabat.

☐ A losen muka
☐ B minyak wangi
☐ C minyak masak
☐ D pelembut fabrik

17. Kekerapan makan makanan masin akan menyebabkan seseorang menghidap penyakit _____.

☐ A darah tinggi
☐ B darah muda
☐ C darah panas
☐ D tekanan darah

18. Angkasawan negara telah menjalankan _____ penghabluran protein semasa berada di angkasa lepas.

☐ A uji kaji
☐ B ulang kaji
☐ C kaji hayat
☐ D soal siasat

19. Dalam perbicaraan di mahkamah, _____ akan dilakukan oleh peguam bela setelah saksi memberikan keterangan.

☐ A soal balas
☐ B soal jawab
☐ C soal selidik
☐ D soal siasat

20. Perdana Menteri menubuhkan _____ bebas untuk menyiasat aduan warganegara China itu.

☐ A setiausaha
☐ B pesuruhjaya
☐ C suruhanjaya
☐ D jawatankuasa